

Ura2 selaras guru2 silat

1 DEC 1978
Pencak Silat

PERSEKUTUAN Seni Silat Singapura, (Persisi) sedang merancang untuk membentuk sebuah Majlis Guru dan Jurulatih demi menyelaraskan pelajaran dan meninggikan lagi mutu pengajaran seni ini di Singapura.

Adalah difahamkan bahawa rundingan-rundingan telah dijalankan di kalangan pegawai-pegawai

persekutuan itu dengan Pemangku Presidennya, Encik Sidek Saniff, mengenai pembentukan majlis tersebut.

Sejauh ini tidak pula diketahui bilangan anggota dalam majlis itu. Tetapi ia akan mempunyai seorang pengerusi dan setiausaha untuk menjalankan tugas yang bakal diberikan itu.

Sumber-sumber mengatakan bahawa bila terbentuk kelak, majlis itu akan bertindak merancang sukatan pelajaran bagi semua jenis silat dan badan-badan yang menjadi kerabat Persisi.

Selaraskan

Ini adalah untuk menyelaraskan sukatan pelajaran dari satu guru dengan guru dan jurulatih yang lain.

Ketika ini, tidak ada sukatan pelajaran yang sama diberikan kepada penuntut-penuntut dan sukatan pelajaran berbeza antara satu guru dan jurulatih dengan guru dan jurulatih yang lain — walaupun mungkin seni silat yang diajarkan adalah sama.

Di samping itu juga, majlis tersebut akan mendaftarkan semua guru dan jurulatih silat yang terdapat di Singapura — terutama mereka yang menjadi kerabat kepada Persisi.

Ini adalah sebagai satu usaha untuk mengetahui taburan guru-guru silat dan juga untuk memudahkan pelaksanaan sistem sukatan pelajaran yang bakal dijalankan.

Selain dari itu juga, ia juga dapat mengawa-



En Sidek Saniff

si kegiatan dan peranan yang dijalankan oleh jurulatih dan guru-guru silat dalam usaha memperkembangkan seni tradisi ini.

Tak terkawal

Sejauh ini, guru-guru dan jurulatih silat dapat bergerak tanpa kawalan dari sebarang badan dan mereka boleh menubuhkan ataupun membubarkan kelas-kelas latihan jika mereka sendiri memikirkannya perlu.

Ini telah menyebabkan timbul pelajaran

penuntut setengah jalan dan keadaan ini telah pun difikirkan oleh Persisi, kerana ia tidak hanya akan mencacatkan seni itu malah juga tidak akan meninggikan mutunya.

Adalah difahamkan bahawa langkah terbaru yang dibuat oleh Persisi ini adalah satu usaha untuk mengembangkan seni silat sehingga ia dapat menarik lebih ramai peminatnya terutama dari kalangan orang-orang bukan Melayu.

Ini adalah untuk menjadikan ia sebagai satu cabang sukan dan meningkatkan kepopularan seperti karate, judo, taekwondo dan sebagainya.

Persisi telah mengadakan mesyuarat mereka malam kemarin untuk membincangkan lanjut mengenai pembentukan majlis ini walaupun pegawai-pegawainya enggan untuk membuat sebarang ulasan mengenai ura-ura pembentukan majlis itu.

Pegawai-pegawai Persisi mengambil sikap mendiamkan diri tidak mahu menafi ataupun mengesahkan perbincangan mengenai pembentukan majlis ini.

Peraduan karang

14 DEC 1978
Pencak Silat (3)
PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensi) akan mengadakan peraduan mengarang sejarah Islam sempena dengan Maulud.

Peraduan ini di bahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A terbuka untuk mereka yang berusia bawah-12 tahun dan tajuk untuk karangan ini ialah

“Kehidupan Rasulullah sebelum menjadi Nabi”.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai peraduan ini boleh didapati dari Setiausaha Peraduan Karangan, Perpensi, 9 Ipoh Lane, Singapura 15. Tarikh penutup untuk peraduan ini adalah 31 Januari tahun depan.